MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (524989-M)

The Observer

20.07.2018

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sapura Energy Berhad telah mengadakan AGM pada 18 Julai 2018 bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2018.

MSWG menghadiri AGM tersebut. Kami dan pelabur institusi serta pelabur runcit lain juga membangkitkan beberapa isu. Isu utama yang dibangkitkan adalah berkaitan ganjaran PGCEO (Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan). Isu ini dapat dilihat daripada perspektif yang lebih jelas jika kepentingan pengurusan (dan pengarah) diselaraskan dengan kepentingan pemegang saham.

MSWG dalam surat praAGM kepada syarikat menyatakan kepentingan para pemegang saham tidak sejajar dengan kepentingan pihak pengurusan.

Mengambil contoh syarikat ini, ganjaran PGCEO perlu diselaraskan dengan prestasi syarikat.

Jika kita meneliti penyata kewangan terkini, kita dapati prestasi syarikat tidak begitu memberangsangkan. Walaupun masa depan mungkin kelihatan cerah, penjajaran kepentingan perlu mengikut situasi semasa.

Dalam AGM PGCEO ada menyebut, penyata kewangan adalah refleksi statik yang mencerminkan situasi syarikat dan begitulah sifatnya. Ia adalah dokumen statik, sejarah dan merakamkan peristiwa yang sudah lepas. Namun bagi para pemegang saham, mereka tiada pilihan lain selain bergantung pada penyata kewangan yang sudah diaudit oleh juruaudit luar. Keputusan suku tahunan mungkin lebih terkini tetapi ia tidak diaudit.

Mari kita lihat penyata kewangan tahun demi tahun:

- Pendapatan syarikat menurun daripada RM7,651 juta kepada RM5,895 juta
- Keuntungan selepas cukai berjumlah RM206 juta pada TK2017 bertukar menjadi kerugian selepas cukai RM2,505 juta pada 2018. Walaupun selepas mengecualikan kemerosotan nilai berjumlah RM2,132 juta, jumlah kerugian masih RM373 juta.
- Jumlah aset menyusut daripada RM37,449 juta kepada RM29,993 juta
- Dana pemegang saham menurun daripada RM13,076 juta kepada RM9,450 juta
- Aset bersih sesaham berkurangan daripada RM2.19 kepada RM1.59
- Nisbah Hutang Bersih kepada Ekuiti meningkat daripada 1.16 kali kepada 1.56 kali

Di samping itu, tiada dividen diisytiharkan untuk tahun ini. Kami memahami ketiadaan dividen kerana syarikat perlu mengekalkan dana berikutan situasi di atas. Malah, syarikat amat memerlukan dana baharu. Oleh itu perbincangan diadakan tentang penjanaan modal dan IPO unit Eksplorasi dan Pengeluaran (dan mungkin menambah nilai bagi para pemegang saham).

Harga saham syarikat pada tahap tertinggi mencecah RM4.84 pada akhir Disember 2013 dan kini didagangkan sekitar RM0.60. Banyak pemegang saham membuat pelaburan pada harga yang tinggi dan kini sebahagian besar daripada mereka berdepan dengan nilai pelaburan yang rendah.

Dalam situasi ini, MSWG berpendapat imbuhan PGCEO tidak selaras dengan kepentingan para pemegang saham.

PGCEO menerima RM71.92 juta untuk tahun ini atau kira-kira RM200,000 sehari.

Penyelarasan bermakna berkongsi derita dengan para pemegang saham pada waktu sukar.

PGCEO turut berkongsi keperitan kerana beliau juga terkesan akibat harga saham yang merudum (beliau mempunyai pegangan 15.9%) dan kos lepas kerana tidak menarik diri lebih awal.

PGCEO juga menyatakan beliau boleh menjual sahamnya pada RM4 namun tidak berbuat demikian. Menjual saham pada harga RM4 mungkin suatu rahmat yang terselindung bagi sebahagian besar pemegang saham minoriti kerana mereka pasti akan mengikuti jejak langkah beliau kerana mereka mengiktiraf PGCEO sebagai orang penting dalam syarikat itu. Para pemegang saham minoriti sudah pasti akan menjual saham mereka pada harga kira-kira RM4 dan mendapat keuntungan berbanding dengan harga semasa iaitu sekitar RM0.60.

Beliau seterusnya menyatakan ada satu perjanjian saham yang ditandatangani dengan sebuah institusi kewangan dengan syarat jika dia menjual sahamnya di bawah 10%, dia mengingkari pinjaman itu (dan ini merupakan alasan bagi imbuhan pengarah yang tinggi).

Disebabkan pembiayaan semula yang menimbulkan perjanjian ini, syarikat dapat menikmati kadar yang lebih rendah iaitu kira-kira 5% berbanding rakan lain dalam industri yang membayar 6% hingga 7% dan syarikat memanfaatkannya.

Namun, ini sebahagian daripada permainan.

Umumnya, jika angka kewangan anda lemah, akan ada perjanjian di antara saham pemegang saham utama dan saham syarikat. Sekiranya syarikat diusahakan oleh usahawan dan pemegang saham utama, perjanjian boleh dikenakan untuk memastikan mereka 'mempunyai kepentingan dalam pelaburan syarikat'. Ini adalah sebahagian daripada permainan mereka.

Namun, walau apa pun alasan yang diberikan selepas mempertimbangkan semua aspek, ganjaran pengarah masih dianggap tinggi.

Ada juga yang memberikan alasan imbuhan tinggi adalah kerana PGCEO berjaya mencapai KPI.

Kita perlu memahami yang tidak semua KPI direka serupa. KPI yang lebih penting adalah KPI yang meningkatkan nilai pemegang saham seperti keuntungan kerana ini berhubung secara langsung dengan peningkatan harga saham dan kemungkinan pembayaran dividen. KPI yang berkaitan secara langsung dengan peningkatan nilai pemegang saham perlu diletakkan kepentingan yang lebih tinggi. KPI seperti perancangan penggantian adalah penting namun ia tiada kaitan langsung kepada peningkatan nilai pemegang saham.

Akhir kata, rungutan MSWG tidak ditujukan kepada PGCEO tetapi kepada pengarah bebas yang meluluskan pembayaran ganjaran yang tinggi. Inilah sebab kami mengundi pemilihan semula PGCEO tetapi mengundi membantah dua pengarah bebas dan pemilihan semula.

Melihat dari sudut lain, demi kepentingan tadbir urus yang baik, PGCEO tidak sepatutnya menganggotai Ahli Jawatankuasa Imbuhan. Beliau boleh hadir dengan jemputan Jawatankuasa

namun tadbir urus yang baik menuntut agar pengarah eksekutif tidak menganggotai jawatankuasa imbuhan.

Pemberian ganjaran kekal sebagai sesuatu yang tidak mempunyai satu jawapan yang tepat dalam menentukan 'berapa banyak yang dianggap terlalu banyak'. MSWG akan memberikan manfaat dari keraguan sekiranya terdapat peningkatan nilai pemegang saham.

Kami akan terus berjaga-jaga terhadap pemberian ganjaran pengarah dan pengurusan yang tidak selaras dengan kepentingan pemegang saham.

Salam,

Devanesan

20 Julai 2018

TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 23 HINGGA 27 JULAI 2018

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
25.07.18 (Rabu) 11.00 pagi	Kim Loong Resources Bhd (AGM)	Amari Johor Bahru, Johor Darul Takzim
25.07.18 (Rabu) 02.00 petang	Crescendo Corporation Bhd (AGM)	Amari Johor Bahru, Johor Darul Takzim
26.07.18 (Khamis) 11.30 pagi	Talam Transform Bhd (AGM)	Pusat Beli Belah Pandan Kapital, Pandan Indah, KL

Beberapa perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	**Perkara/ Isu Untuk Diajukan**
Kim Loong Resources Bhd (AGM)	MD & A di halaman 27 Laporan Tahunan menyatakan, tahap inventori minyak sawit mentah (CPO) berada pada 21,000 MT iaitu lebih tinggi daripada paras biasa, sebahagiannya disebabkan oleh kualiti marginal akibat hujan yang berterusan pada suku ke-4. Keputusan suku tahun berakhir 30 April 2018 menunjukkan 'inventori' masih agak tinggi iaitu RM53.523 juta. a. Sila jelaskan bagaimana hujan yang berterusan menyumbang kepada tahap inventori yang lebih tinggi? b. Berapakah jumlah inventori CPO (dalam tan metrik) pada 30 April 2018? c. Adakah terdapat apa-apa pelupusan inventori dalam tempoh tiga bulan berakhir 30 April 2018? Adakah terdapat jangkaan pelupusan untuk TK2019?
Crescendo Corporation Bhd (AGM)	Seperti yang dimaklumkan dalam maklumat segmen di halaman 133 Laporan Tahunan, Pendidikan, Perkhidmatan Pengurusan dan Lain-lain mencatatkan jualan luar yang lebih tinggi iaitu RM16.4 juta dalam TK2018 berbanding RM6.3 juta pada TK2016. a. Berapakah jumlah jualan luar untuk Pendidikan, Perkhidmatan Pengurusan

Beberapa perkara penting untuk diajukan:	
	dan Lain-lain untuk TK2018 dan TK2017? b. Jualan luar meningkat 160% pada TK2018 berbanding TK2017. Walau bagaimanapun, keputusan segmen meningkat 31% pada TK2018 berbanding TK2017. Mengapakah keputusan segmen meningkat pada peratusan yang lebih rendah berbanding jualan luar? c. Apakah prospek segmen Pendidikan dalam TK2019 berbanding TK2018 dari segi pendaftaran pelajar dan keuntungan?
Talam Transform Bhd (AGM)	Menurut halaman 128 Laporan Tahunan, Kumpulan menandatangani perjanjian penyelesaian dengan Kumpulan IJM untuk menyelesaikan jumlah RM179.41 juta dalam tempoh 3 tahun sehingga 21 Mei 2020. (a) Bagaimanakah Kumpulan membiayai penyelesaian hutang itu? (b) Apakah jangkaan nisbah penggearan Syarikat berdasarkan penyelesaian penuh hutang tersebut? (c) Apakah kekerapan pembayaran hutang itu dan bilakah tarikh bayaran pertama?

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat, rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat, banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, norhisam@mswg.org.my
Linnert Hoo, Pengurus, Pemantauan Korporat, linnert.hoo@mswg.org.my
Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat, elaine.choo@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, cheemeng@mswg.org.my
Abdul Halim Alias, Pengurus, Pemantauan Korporat, halim.alias@mswg.org.my
Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat, mustaqim.yusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Petaling Tin Berhad & Pasdec Holdings Bhd.*

Maklumbalas
Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.